

20/05/1997

Pemuda Melaka minta peluang bertanding

MELAKA, Isnin - Pemuda Umno Melaka berharap pucuk pimpinan parti akan turut mempertimbangkan pemimpin pemuda sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melekek.

Ketua Pemuda Umno Melaka, Nazari Adzim, berkata perkara itu diharap dapat ditimbang selepas tiada seorang pun pemimpin Pemuda Umno di negeri ini yang dipilih menjadi calon dalam pilihan raya umum 1995 lalu.

"Pemuda Umno Negeri memang mengharapkan pucuk pimpinan memberi pertimbangan kepada pemimpin pemuda sebagai calon bagi kerusi DUN Melekek," katanya ketika ditemui di majlis jamuan tengah hari barisan pimpinan Pemuda Umno Melaka bersama-sama Bendahari Pemuda Umno, Mokhzani Mahathir di sini, tengah hari ini.

Bagaimanapun, Nazari berkata, Pemuda Umno Melaka akan menerima serta menyokong sesiapa saja yang diputuskan oleh pucuk pimpinan untuk menjadi calon BN bagi bertanding dalam pilihan raya kecil itu.

(END)